



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 3/ 2024



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 3 | 2024

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 &C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my data@dosm.gov.my

Diterbitkan pada Mac 2024.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	SOROTAN PENTING	
06	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
08	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
11	RENCANA	
23	SNAPSHOT	
24	PERTANIAN	35
29	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	39
31	PERKHIDMATAN	43
		47
		50
		64
		65
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Saya amat berbesar hati untuk mengetengahkan Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) siri ketiga bagi tahun 2024, yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pembaca atas sokongan dan dorongan berterusan anda semua. Edisi ini membincangkan prestasi ekonomi negara yang terkini berdasarkan statistik makroekonomi rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM, menelusuri senario bagi Januari 2024, serta statistik terpilih untuk Februari 2024. Selain itu, edisi ini memaparkan artikel bertajuk “Senario Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) di Malaysia”.

Menurut Bank Negara Malaysia, Ekonomi Malaysia diunjur tumbuh di antara 4.0 dan 5.0 peratus pada 2024, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran. Pelancongan dijangka akan terus pulih, lantas mengukuhkan ekonomi, sementara aktiviti pelaburan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek yang sedia ada dan projek baru yang memakan tahun yang dijalankan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada 2024, dengan perbelanjaan isi rumah diunjurkan akan berkembang pada kadar yang lebih pantas berbanding tahun 2023 disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang semakin baik berikutan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi dan bantuan bersasar oleh kerajaan. Kebanyakan sektor diunjurkan berkembang pada 2024, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan. Sektor perkhidmatan diunjur berkembang didorong terutamanya oleh peningkatan dalam subsektor berkaitan perniagaan. Pemulihan dalam permintaan luaran dan pelaksanaan projek pembinaan swasta serta awam yang berterusan akan menyokong subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Bagi perspektif harga, inflasi Malaysia pada Februari 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus, setelah tiga bulan kekal pada kadar 1.5 peratus. Peningkatan inflasi tersebut didorong oleh peningkatan ketara bagi kumpulan utama Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 2.7 peratus (Januari 2024: 2.0%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 1.6 peratus (Januari 2024: 0.8%) dan Pengangkutan, 1.2 peratus (Januari 2024: 0.7%). Selain itu, Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) meningkat 0.3 peratus pada Februari 2024 daripada negatif 0.6 peratus pada Januari 2024.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) memulih kepada 4.3 peratus pada Januari 2024, didorong oleh pengembangan dalam kesemua sektor iaitu pertumbuhan tertinggi dicatatkan sejak Mei 2023 selepas merekodkan sedikit penurunan 0.03 peratus pada Disember 2023. Peningkatan ini diterajui oleh lonjakan 3.7 peratus dalam sektor Pembuatan berbanding negatif 1.4 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 0.7 peratus selepas penurunan 0.1 peratus pada bulan lalu. Sektor Pembuatan kekal tidak berubah, manakala semua sektor lain mencatatkan kenaikan pada bulan ini.

Susulan prestasi sektoral pada Januari 2024, situasi tenaga buruh terus berkembang seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam bilangan tenaga buruh pada bulan tersebut berbanding Januari 2023. Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan kekal meningkat, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama juga dilihat dalam bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian pada bulan Januari 2024.

Prestasi perdagangan Malaysia pada Februari 2024 mengekalkan pertumbuhan positif dengan jumlah perdagangan mencatatkan peningkatan 3.3 peratus atau RM6.8 bilion untuk mencecah nilai RM211.8 bilion berbanding RM205.0 bilion pada tahun sebelumnya. Perdagangan global dijangka pulih pada 2024 dengan World Trade Organization (WTO) telah mengunjurkan perdagangan barangan pada tahun ini tumbuh 3.3 peratus, manakala International Monetary Fund (IMF) menjangkakan perdagangan global berkembang sebanyak 3.3 peratus.

Perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) meneruskan momentum peningkatan dengan mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus kepada 112.0 mata pada Januari 2024 berbanding 108.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh kenaikan kukuh dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftar (48.0%) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (39.2%). Dari segi arah aliran jangka panjang terlicin pada Januari 2024, IP kekal di bawah trend 100.0 mata. Meskipun masih berada di bawah trend, lonjakan dalam prestasi IP menjangkakan pertumbuhan ekonomi yang lebih menggalakkan dalam tempoh terdekat susulan pemulihan dalam perdagangan luar.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai jenis data. OpenDOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Bagi menghormati kepentingan statistik, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (Hari MyStats) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema Hari MyStats ialah "Connecting the World with Data We Can Trust" yang mencerminkan kepentingan kepercayaan, data berwibawa, inovasi dan kebaikan awam dalam sistem statistik negara.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Mac 2024


- Laporan Situasi dan Prospek Ekonomi Dunia 2024 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menggariskan bahawa walaupun ekonomi global berkesan menghalang kemelesetan pada 2023, ia terus menghadapi risiko pertumbuhan lembap yang berpanjangan. Unjuran pertumbuhan KDNK global menunjukkan kelembapan daripada 2.7 peratus pada 2023 kepada 2.4 peratus pada 2024, diikuti dengan sedikit peningkatan kepada 2.7 peratus pada 2025, namun kekal di bawah trend kadar pertumbuhan pra-pandemik sebanyak 3.0 peratus.
- Menurut laporan Tinjauan Ekonomi & Monetari 2023 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang dikeluarkan pada 20 Mac 2024, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.0 hingga 5.0 peratus pada 2024, didorong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri dan permintaan luar yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, tinjauan positif ini berkemungkinan terjejas oleh kecenderungan ekonomi terhadap potensi kemelesetan yang timbul daripada faktor luaran dan domestik. Prestasi ekonomi Malaysia 2023 perlahan kepada 3.7 peratus daripada 8.7 peratus tahun sebelumnya, sejajar dengan pertumbuhan sederhana yang diperhatikan di negara ASEAN lain.
- Pengeluaran getah asli meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 30,273 tan metrik pada Januari 2024 (Januari 2023: 29,451 tan metrik). Pada asas perbandingan bulan ke bulan, pengeluaran susut sedikit sebanyak 0.2 peratus daripada 30,342 tan metrik pada Disember 2023. Pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit pada Februari 2024 menurun sebanyak 2.2 peratus kepada 6,454,441 tan metrik berbanding Februari 2023 (6,601,525 tan metrik). Pengeluaran bulanan juga mencatatkan penurunan sebanyak 12.2 peratus berbanding Januari 2024 (7,355,290 tan metrik).
- Selepas mengalami penurunan kecil sebanyak 0.03 peratus pada Disember 2023, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia memulih kepada 4.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024. Peningkatan itu didorong terutamanya oleh lonjakan sebanyak 3.7 peratus dalam sektor Pembuatan berbanding negatif 1.4 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Tambahan pula, sektor Perlombongan mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus (Disember 2023: 4.1%) dan sektor Elektrik meningkat sebanyak 8.3 peratus (Disember 2023: 4.1%).
- Begitu juga, nilai jualan sektor Pembuatan kembali mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.2 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024 selepas menguncup sejak Jun 2023, mencecah RM152.7 bilion. Pengembangan itu disokong oleh pertumbuhan ketara sebanyak 15.8 peratus dalam subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (Disember 2023: 6.4%), ditambah pula dengan peningkatan sebanyak 11.4 peratus dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (Disember 2023: -2.6%). Di samping itu, subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka juga berkembang sebanyak 9.6 peratus pada bulan tersebut (Disember 2023: 7.4%).
- Pada masa yang sama, sektor perdagangan borong dan runcit Malaysia mencapai nilai jualan bulanan sebanyak RM142.4 bilion, mencerminkan kadar pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.4 peratus. Pertumbuhan dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan Borong, yang melonjak sebanyak 5.5 peratus atau RM3.3 bilion, mencecah RM63.7 bilion. Dalam pada itu, segmen Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Runcit masing-masing berkembang sebanyak 16.0 peratus (+RM2.4 bilion) dan 2.6 peratus (+ RM1.5 bilion).
- Dari segi harga, kadar inflasi Malaysia kekal stabil pada 1.5 peratus pada Januari 2024, mengekalkan paras yang sama sejak November 2023. Indeks Harga Pengguna berada pada 131.4 mata berbanding 129.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan sedikit ini dipengaruhi terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan utama seperti Restoran & Perkhidmatan Penginapan (+3.2%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (+2.5%); Kesihatan (+2.4%); Makanan & Minuman (+2.0%); dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (+2.0). Bagi Februari 2024, inflasi meningkat kepada 1.8 peratus dengan mata indeks dicatatkan pada 132.1 berbanding 129.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

- Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pada Januari 2024 mencatatkan penurunan tahunan sebanyak 0.6 peratus berbanding Disember 2023. Ini disumbangkan oleh kejatuhan dalam sektor Perlombongan sebanyak 1.3 peratus (Disember 2023: -3.4%), sektor Pembuatan sebanyak 0.9 peratus (Disember 2023: -1.5%) dan sektor Bekalan elektrik & gas sebanyak 0.8 peratus (Disember 2023: -0.6%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan 3.2 peratus, manakala indeks Bekalan air meningkat sebanyak 0.6 peratus dalam tempoh yang sama. Bagaimanapun, IHPR pada Februari 2024 meningkat sebanyak 0.3 peratus.
- Perdagangan barangan Malaysia melonjak sebanyak 13.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024 kepada RM234.7 bilion (Januari 2023: RM207.2 bilion). Eksport menunjukkan peningkatan 8.7 peratus, mencapai RM122.4 bilion, manakala import berkembang lebih kukuh sebanyak 18.8 peratus kepada RM112.3 bilion. Berikutan itu, lebih dagangan menguncup sebanyak 44.2 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada RM10.1 bilion. Pada Februari 2024, perdagangan Malaysia mengekalkan trajektori positifnya dengan pertumbuhan 3.3 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh lonjakan import sebanyak 8.4 peratus, walaupun eksport mencatatkan penurunan secara marginal sebanyak 0.8 peratus. Hasilnya, lebih dagangan berkurangan sebanyak 44.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, berjumlah RM10.9 bilion.
- Senario buruh Malaysia pada Januari 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus tahun ke tahun dalam tenaga buruh untuk merekodkan 17.05 juta orang (Januari 2023: 16.76 juta orang). Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.4 mata peratusan daripada 69.8 peratus pada Januari 2023 kepada 70.2 peratus. Sebaliknya, jumlah pengangguran menurun sebanyak 4.8 peratus kepada 567.3 ribu orang dan kadar pengangguran menurun daripada 3.6 peratus kepada 3.3 peratus pada bulan ini.
- Perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) meneruskan aliran menaikinya, meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada 112.0 mata pada Januari 2024 daripada 108.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh kenaikan Bilangan Syarikat Baru Didaftarkan (38.1%) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (31.4%). Walaupun kekal di bawah aliran 100.0 mata dalam analisis jangka panjang terlicin untuk Januari 2024, lonjakan ketara IP membayangkan trajektori pertumbuhan ekonomi yang lebih menjanjikan dalam masa terdekat, disokong oleh pemulihan semula dalam perdagangan luar negeri.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA


Indeks Pelopor

112.0
JANUARI 2024




Kadar Pengangguran

3.3%
JANUARI 2024




Pengeluaran Buah Tandan Segar

-2.2%
FEBRUARI 2024




Pengeluaran Getah Asli

2.8%
JANUARI 2024




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.3%
JANUARI 2024



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

3.2%
JANUARI 2024




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

5.4%
JANUARI 2024



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

3.5%
JANUARI 2024




Eksport

-0.8%
FEBRUARI 2024




Import

8.4%
FEBRUARI 2024




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.8%
FEBRUARI 2024



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

0.3%
FEBRUARI 2024



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

Laporan World Economic Situation and Prospects 2024 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menekankan bahawa meskipun ekonomi global berjaya mengelak dari senario terburuk kemelesetan ekonomi pada tahun 2023, potensi bagi tempoh pertumbuhan yang lemah masih ketara. Unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global dijangka lebih perlahan daripada anggaran 2.7 peratus pada tahun 2023 kepada 2.4 peratus pada tahun 2024. Walaupun terdapat peningkatan sederhana yang diunjurkan kepada 2.7 peratus pada tahun 2025, ia dijangka kekal di bawah kadar pertumbuhan trend pra-pandemik sebanyak 3.0 peratus.

KDNK United Kingdom pada suku tahun keempat 2023 dianggarkan mengalami penurunan sebanyak 0.3 peratus, selepas merosot 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Ekonomi negara tersebut mengalami penguncupan kumulatif sebanyak 0.5 peratus antara suku ketiga dan keempat 2023. KDNK benar dianggarkan mengalami penurunan 0.2 peratus dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya.

Ekonomi Italy bertumbuh 0.2 peratus pada suku tahun keempat 2023 berbanding suku tahun sebelumnya dan sebanyak 0.6 peratus berbanding suku tahun keempat 2022. Perbelanjaan penggunaan akhir menyusut 0.9 peratus, sementara pembentukan modal tetap kasar mencatatkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus. Selain itu, import dan eksport mengalami peningkatan masing-masing sebanyak 0.2 peratus dan 1.2 peratus.

Menurut anggaran kedua yang dikeluarkan oleh Bureau of Economic Analysis, KDNK United States of America berkembang pada kadar tahunan sebanyak 3.2 peratus pada suku tahun keempat 2023. Kenaikan KDNK benar didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan pengguna, eksport, perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan, pelaburan tetap bukan kediaman, perbelanjaan kerajaan persekutuan dan pelaburan tetap kediaman.

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2023 mengalami penurunan sebanyak 3.7 peratus (2022: 8.7%) didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dengan pertumbuhan 5.3 peratus diikuti oleh sektor Pembinaan (6.1%) dan Pembuatan (0.7%). Sektor Pembuatan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7 peratus (2022: 8.1%) berikutan asas yang lebih tinggi pada tahun sebelumnya dan permintaan luaran global yang lebih lemah


Dari perspektif permintaan dalam ekonomi, pertumbuhan didorong oleh peningkatan penggunaan akhir Swasta atau perbelanjaan isi rumah sebanyak 4.7 peratus, diikuti oleh pembentukan modal tetap kasar (5.5%) dan perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan (3.9%). Sementara itu, kedua-dua Eksport dan Import masing-masing merosot sebanyak 7.9 peratus dan 7.6 peratus, dengan eksport bersih mencatatkan penurunan sebanyak 11.3 peratus pada tahun 2023.

Berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi & Monetari 2023 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang diterbitkan pada 20 Mac 2024, ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 4.0 hingga 5.0 peratus pada tahun 2024, disokong oleh permintaan domestik yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran. Walau bagaimanapun, pertumbuhan domestik masih tertakluk kepada risiko penurunan daripada faktor luaran dan domestik.

PERSPEKTIF KESELURUHAN


Perubahan tahunan IP kekal dalam trajektori menaikinya, meningkat 3.2 peratus kepada 112.0 mata pada Januari 2024 daripada 108.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan dalam bilangan syarikat baru berdaftar (38.1%) dan import sebenar logam berharga dan bukan ferus asas lain (31.4%) merupakan pemacu utama peningkatan ini. Merujuk kepada prestasi bulanan, IP mencatatkan 1.6 peratus pada bulan rujukan berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya berikutan prestasi yang memberangsangkan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.7%). Dari segi arah aliran jangka panjang terlicin pada Januari 2024, IP kekal di bawah trend 100.0 mata. Meskipun masih berada di bawah trend, lonjakan dalam prestasi IP menjangkakan pertumbuhan ekonomi yang lebih menggalakkan dalam tempoh terdekat susulan pemulihan dalam perdagangan luar negeri.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SENARIO INDUSTRI ELEKTRONIK DAN ELEKTRIK (E&E) DI MALAYSIA

Syafawati Abdul Refai¹

¹Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri & Binaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Pertama (IMP1) pada tahun 1986 merupakan titik perubahan yang penting bagi sektor Pembuatan di Malaysia yang membawa kepada pembangunan pesat ekonomi negara ke arah ekonomi perindustrian baharu. Pelaksanaan IMP1 memainkan peranan penting dalam memangkin pertumbuhan guna tenaga di Malaysia dengan merangsang pertumbuhan perindustrian, pembangunan kemahiran, sokongan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan memanfaatkan kesan berganda pengembangan ekonomi. Sektor Pembuatan, terus berkembang dengan pantas di bawah IMP3, dengan memfokuskan kepada produk dan aktiviti yang menghasilkan nilai tambah yang lebih tinggi, serta aktiviti berasaskan teknologi tinggi dan berintensif modal melalui 12 industri yang disasarkan, termasuk industri Elektrik dan Elektronik (E&E).

Malaysia telah menjadi pemain utama dalam rantai bekalan global, terutamanya dalam pengeluaran peranti semikonduktor, litar bersepadu dan komponen elektronik. Menelusuri sejarah sepanjang lima dekad, industri E&E Malaysia bermula dengan hanya lapan syarikat pengeluaran komponen pada tahun 1970-an dan terus berkembang sejajar dengan peningkatan permintaan global dalam produk elektronik untuk kegunaan di peringkat industri dan pengguna. Industri E&E Malaysia berkembang kepada 3,925 pertubuhan pada tahun 2015² dan menyumbang sebanyak 32.1 peratus kepada Nilai Ditambah Kasar sektor Pembuatan pada harga malar 2015 dan sebanyak 7.5 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2023. Selain itu, industri E&E Malaysia menyumbang sebanyak RM124 billion kepada KDNK pada harga semasa yang melibatkan seramai 615.7 ribu (25.9%) orang pekerja pada 2023. Industri E&E adalah merupakan satu industri yang luas merangkumi pelbagai subsektor seperti semikonduktor, komponen elektronik, peralatan telekomunikasi dan elektronik pengguna.

Objektif utama artikel ini adalah untuk memaparkan landskap industri E&E termasuk subsektor semikonduktor, di peringkat nasional dan global; dan untuk membincangkan mengenai cabaran yang dihadapi oleh industri.

KAJIAN LITERATUR

Industri E&E Malaysia telah menghasilkan sebanyak 13 peratus daripada jumlah keseluruhan produk semikonduktor di peringkat global dan menyumbang 40 peratus kepada keluaran eksport negara dan 7.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2023. Industri semikonduktor atau komponen elektronik diunjurkan untuk kekal sebagai pemacu utama dalam industri E&E di Malaysia, dipergiatkan melalui peningkatan dalam penggunaan teknologi, yang berperanan sebagai penggerak. (MIDA, 2024).

Industri semikonduktor memainkan peranan penting dalam memacu inovasi dan menjana pertumbuhan ekonomi (Melliari-Smith et al., 1998). Semikonduktor sering dirujuk sebagai "otak" elektronik moden, membolehkan kemajuan dalam pelbagai industri seperti peranti perubatan dan penjagaan kesihatan, komunikasi, pengkomputeran, pertahanan, pengangkutan, tenaga bersih dan teknologi masa depan seperti kecerdasan buatan, pengkomputeran kuantum dan rangkaian tanpa wayar. Mengekalkan keupayaan industri semikonduktor di United States of America (USA) adalah penting untuk kemajuan berterusan AS, ini adalah kerana teknologi semikonduktor telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan hampir semua sektor ekonomi USA dengan ketara, daripada sektor Pertanian kepada sektor Pembuatan (Semiconductor Industry Association, 2023).

Industri semikonduktor telah menjadi pemacu utama pewujudan pekerjaan dan kemakmuran ekonomi. Kajian oleh Sabbagh K. et al. (2013) mendapati bahawa pengembangan industri semikonduktor telah membawa kepada pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi, menyumbang kepada tahap gaji yang lebih tinggi dan pembangunan ekonomi keseluruhan di wilayah yang mempunyai semikonduktor yang kukuh. Ini menunjukkan kesan besar industri terhadap pertumbuhan pekerjaan dan pendapatan, seterusnya membuktikan sumbangannya kepada ekonomi.

² Banci Ekonomi 2016: Pembuatan, DOSM. E&E dikelaskan di bawah Klasifikasi Piawaian Perindustrian Malaysia (MSIC) sebagai 26 (Pembuatan komputer, produk elektronik dan optik), 27 (Pembuatan peralatan elektrik) dan 28 (Pembuatan mesin dan peralatan nec)

Di samping sumbangan dalam ekonomi secara langsung, industri semikonduktor juga memainkan peranan penting dalam membolehkan inovasi dan kemajuan dalam industri-industri yang lain. Pembangunan teknologi semikonduktor yang terkini telah mendorong kemajuan dalam bidang seperti kecerdasan buatan, penjagaan kesihatan dan tenaga boleh diperbaharui. Susulan itu, pengaruh industri semikonduktor melangkaui kesan kepada ekonomi segera, di mana ia membentuk trajektori inovasi teknologi dan pembangunan masyarakat (Laitner et al., 2009).

Aspek sumbangan lain industri semikonduktor kepada ekonomi terletak pada peranan industri sebagai pemacu kepada teknologi dan keselamatan negara. Apabila teknologi kritikal semakin berkait rapat dengan kepentingan keselamatan negara, keupayaan untuk menghasilkan dan inovasi teknologi semikonduktor menjadi aset strategik yang penting bagi sesebuah negara. Ini telah mendorong penggubal dasar dan pihak berkepentingan dalam industri untuk menilai semula keupayaan pembuatan semikonduktor dan mengutamakan daya tahan dan keselamatan dalam rantai bekalan global (Troutman & Barrington, 2005).

ASPIRASI DAN DASAR BAGI MENGUKUHKAN INDUSTRI E&E

Trajektori pembangunan perindustrian Malaysia digariskan dengan baik melalui beberapa siri pelan induk perindustrian, di mana setiap satu digubal berdasarkan pencapaian dan pengajaran yang dipelajari daripada pengalaman terdahulu bagi memacu ekonomi ke arah perindustrian progresif, kepelbagaian dan kemajuan teknologi. Pelan induk perindustrian yang digubal berfungsi sebagai hala tuju bagi pembangunan perindustrian negara dengan menggariskan strategi dan dasar utama yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya saing, dan menggalakkan amalan mampan dalam sektor perindustrian.

Pelan Induk Perindustrian Pertama (IMP1) (1986-1995), bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai negara perindustrian baharu dengan mengutamakan pertumbuhan perindustrian, mempergiatkan aktiviti pembuatan, dan membangunkan keupayaan sumber manusia. Manakala Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) (1996-2005) adalah kesinambungan usaha Malaysia untuk mengukuhkan sektor perindustrian dan mengubah ekonomi Negara berdasarkan kejayaan dan pengajaran yang diperoleh daripada IMP1. Subsektor utama yang disasarkan di bawah sektor Pembuatan untuk kedua-dua IMP1 dan IMP2 adalah termasuk Makanan dan minuman, Produk kayu, Produk getah, Kimia dan produk kimia, Industri pembuatan logam dan jentera asas.

Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) (2006-2020) digubal bagi menangani cabaran evolusi teknologi yang pesat dan keperluan mendesak untuk tenaga kerja mahir yang mampu memacu industri seperti bioteknologi, ICT, aeroangkasa dan pembuatan termaju. Ini memerlukan sistem pendidikan dan program latihan vokasional yang sejajar dengan keperluan pasaran kontemporari dan memupuk pembelajaran sepanjang hayat. Dengan hasrat untuk membina kekuatan industri E&E yang mantap, IMP3 menyasarkan untuk meningkatkan nilai rantai dengan menumpukan kepada produk dan komponen berteknologi tinggi termasuk semikonduktor, elektronik pengguna, elektronik automotif dan automasi industri.

Pada tahun 2020, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menggubal beberapa pelan hala tuju bagi menyokong penggunaan teknologi digital. Ini termasuk Pelan Hala Tuju Robotik Kebangsaan, Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Kebangsaan, National Blockchain Roadmap, Pelan Hala Tuju Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara, Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Nasional dan Pelan Hala Tuju Elektrik dan Elektronik (E&E). Terdahulu, pembangunan industri E&E adalah berpandukan kepada Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 (RMKe-12); Pelan Hala Tuju Industri Solar Malaysia 2030; Industri4WRD: Dasar Negara mengenai Industri 4.0.

Pelan Hala Tuju E&E: Pembangunan Teknologi 2021-2030 telah dilancarkan pada 9 Ogos 2022 memfokuskan kepada keterangkuman aktiviti pembangunan ekosistem teknologi tempatan, termasuk rantai bekalan dan nilai, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan dan inovasi dengan tujuan meningkatkan nilai tambah industri tempatan melebihi 40 peratus. Matlamat pelan hala tuju ini adalah untuk mencapai tahap negara maju berasaskan kepada kemajuan saintifik dan inovasi teknologi tinggi menjelang 2030. Penggubalan pelan hala tuju ini adalah bertujuan untuk pembangunan dan pertumbuhan negara pada masa hadapan terutamanya untuk membangunkan strategi dan pelan tindakan di bawah RMK-12 dan usaha berkaitan E&E melalui Majlis E&E Kebangsaan.

Pelan Hala Tuju E&E terdiri daripada dua komponen utama; cadangan strategik (5 cadangan strategik utama) dan program strategik (3 program utama) seperti yang digambarkan dalam **Rajah 1a**.

Rajah 1a: Pelan Hala Tuju Elektrik & Elektronik (E&E): Perumusan Strategik Pembangunan Teknologi



Sumber: Pelan Hala Tuju Elektrik & Elektronik (E&E): Pembangunan Teknologi, 2021 - 2030, MOSTI

Dalam cadangan strategik, terdapat lima teras penting iaitu pelaburan dan insentif, pusat sehenti berpusat, bakat dan kemahiran, platform bersama, kawal selia dan inovasi. Bagi memenuhi lima cadangan strategik utama dan untuk mengukuhkan sektor E&E, tiga program strategik telah dibangunkan dan disokong dengan beberapa aktiviti tambahan. Tiga elemen penting dalam program strategik ialah: memperkukuh tadbir urus, pembangunan ekosistem dan pembangunan kapasiti teknologi dan inovasi.

Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia 2030 (“NIMP 2030”) telah digubal oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan telah dilancarkan pada 1 September 2023. NIMP yang merupakan dasar perindustrian untuk sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan bertujuan menyediakan hala tuju strategik negara untuk menerajui dasar pembangunan perindustrian di Malaysia. Terdapat 21 sektor, termasuk industri E&E, yang akan bertindak sebagai pemangkin dalam mencapai enam (6) matlamat yang digariskan oleh NIMP. NIMP mengklasifikasikan industri E&E sebagai sektor keutamaan dan menumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kapasiti pembuatan melalui automasi Industri 4.0; serta bagi meningkatkan usaha integrasi untuk berkembang dalam ekonomi global.

Pelan NIMP 2023 bagi sektor E&E terdiri daripada empat strategi utama dan sepuluh pelan tindakan seperti yang digambarkan dalam **Rajah 1b**.

Rajah 1b: Strategi dan Pelan Tindakan untuk Industri E&E




Sumber: NIMP 2030, Industri Elektrik & Elektronik, MITI

SENARIO INDUSTRI E&E DI MALAYSIA

Prestasi Pengeluaran Industri E&E


Industri E&E kekal mampan dengan purata pertumbuhan tahunan nilai output sebanyak 6.6 peratus antara 2015 dan 2021, menyumbang 29.3 peratus atau RM471.9 bilion kepada jumlah output sektor Pembuatan pada 2021. Nilai output industri E&E meningkat kukuh sebanyak 13.1 peratus pada 2021, didorong oleh pembuatan semikonduktor, yang menyumbang 57.2 peratus daripada jumlah keseluruhan output industri E&E. Trend yang sama turut diperhatikan dalam nilai keluaran produk semikonduktor yang meningkat sebanyak 30.1 peratus, berjumlah RM269.9 bilion pada 2021..

Carta 1a: Nilai Output Industri E&E dan Perubahan Peratusan Tahunan, 2015 - 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1b: Nilai Output Produk Semikonduktor dan Perubahan Peratusan Tahunan, 2015 - 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) menunjukkan trend yang meningkat antara 2015 – 2023 dengan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.5 peratus. Di sebalik cabaran wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang tahun 2020, industri E&E kekal berdaya tahan dengan mencapai peningkatan sebanyak 2.2 peratus pada tahun 2020 dan peningkatan yang signifikan sebanyak 14.7 peratus pada 2021 (**Carta 1c**). Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan eksport yang kukuh dan pemulihan perdagangan global di mana 66 peratus daripada produk E&E Malaysia telah dieksport ke seluruh dunia. Pada tahun 2022, industri E&E merekodkan indeks IPI tertinggi iaitu 168.8, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 14.3 peratus.

Carta 1c: Indeks Industri E&E dan Perubahan Peratus Tahunan, 2016 - 2023

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembuatan produk semikonduktor³ kekal sebagai pemangkin utama industri E&E, dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 7.9 peratus antara 2015 dan 2023. Walaupun terdapat cabaran besar semasa pandemik COVID-19 kepada industri semikonduktor, ia juga telah menyerlahkan keupayaan industri tersebut dalam memainkan peranan yang penting dalam memperkasa ekonomi digital serta memacu pertumbuhan dan inovasi jangka panjang. Pada tahun 2020, pembuatan produk semikonduktor mengekalkan pertumbuhan positif pada 3.7 peratus berbanding peningkatan 2.2 peratus pada tahun 2019. Industri ini terus berkembang kepada pertumbuhan dua angka pada tahun 2021 (16.6%) dan dengan indeks IPI tertinggi mencapai 198.8 pada 2022 dengan peningkatan sebanyak 19.0 peratus.

Carta 1d: Indeks Produk Semikonduktor dan Perubahan Peratus Tahunan, 2016 - 2023

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Prestasi Eksport Industri E&E

Industri E&E Malaysia telah membangunkan kecekapannya dalam pengeluaran produk E&E dan semikonduktor di mana pada tahun 2022 Malaysia disenaraikan sebagai pengeksport ke-12 terbesar produk E&E dan pengeksport ke-6 terbesar produk semikonduktor di peringkat global (MATRADE, 2023). Bagaimanapun, pada tahun 2023, perdagangan global berkembang pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kemerosotan dalam sektor semikonduktor, yang menjejaskan prestasi perdagangan di Malaysia.

Produk E&E Malaysia menyumbang 40.4 peratus daripada jumlah eksport negara, manakala segmen semikonduktor terdiri daripada produk seperti litar bersepadu elektronik; kristal piezo-elektrik & bahagian; peralatan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori; dan peranti semikonduktor lain menyumbang 67.3 peratus daripada jumlah produk E&E pada 2023. Produk E&E mencapai jumlah eksport RM575.5 bilion, mencatatkan penurunan sebanyak 3.0 peratus berbanding pertumbuhan luar biasa sebanyak 30.0 peratus yang dicatatkan pada 2022 (**Carta 1e**). Penurunan eksport E&E dicatatkan pada tahun 2019, dengan penurunan tahun ke tahun sebanyak 2.2 peratus.

³ Produk semikonduktor dikelaskan di bawah Klasifikasi Piawaian Perindustrian Malaysia (MSIC) sebagai 261 (Pembuatan komponen dan papan elektronik)

Carta 1e: Eksport Produk E&E dan Semikonduktor, 2018 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport produk semikonduktor mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.03 peratus pada tahun 2023, mencecah RM387.5 bilion. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya terjejas oleh penurunan eksport litar bersepadu elektronik (-1.1%) dan kristal piezo-elektrik & bahagian (-2.5%). Sebaliknya, produk semikonduktor lain mencatatkan pertumbuhan 13.1 peratus. Destinasi eksport utama bagi produk semikonduktor adalah negara Singapura dengan jumlah eksport sebanyak RM85.8 bilion (22.1%), diikuti oleh China (16.3%) dan Hong Kong (15.5%), seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1a**.


Jadual 1a: Eksport Produk Semikonduktor Mengikut Negara, 2019 – 2023 (RM juta)

Negara	2019	2020	2021	2022	2023
Singapore	42,501	50,745	65,853	93,451	85,798
China	37,632	42,349	46,767	66,217	62,996
Hong Kong	45,365	47,867	53,838	63,839	60,160
United States	20,807	18,876	19,673	36,620	46,808
Taiwan	16,950	16,792	20,074	26,857	24,144
Vietnam	5,108	7,571	15,632	19,721	21,437
Lain-lain	53,346	54,941	59,556	80,634	86,110
Jumlah	221,709	239,141	281,393	387,338	387,452

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan laporan Kajian Impak Ekonomi 2022/2023 oleh Malaysian American Electronics Industry (MAEI), sektor E&E Malaysia mampu untuk bersaing di persada dunia. Berdasarkan hasil kaji selidik, unjuran bagi sektor Pembuatan Malaysia akan kekal positif di mana sekurang-kurangnya 55 peratus syarikat menjangkakan pertumbuhan pada tahun akan datang dan 60 peratus berhasrat untuk meningkatkan pelaburan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Walaupun kedua-dua aspek mengalami sedikit penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, namun sektor ini kekal optimis untuk terus kukuh.

Carta 1f: Jualan Semikonduktor Global dan Perubahan Peratusan Tahunan, 2019 - 2023




Sumber: Persatuan Industri Semikonduktor (SIA)

Pekerjaan

Industri E&E adalah penyumbang terbesar kepada pekerjaan dalam sektor Pembuatan dengan kepelbagaian kepada pekerjaan berasaskan aktiviti bernilai rendah, bernilai lebih tinggi dan berkemahiran tinggi. Kemajuan dalam teknologi dan inovasi telah mengubah struktur industri yang memerlukan pekerja mahir untuk memenuhi permintaan sektor yang dinamik.

Pada tahun 2023, pekerja dalam industri E&E menyumbang sebanyak 25.9 peratus atau 616 ribu orang daripada jumlah pekerjaan sektor Pembuatan, dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.0 peratus antara 2018 dan 2023. Manakala, segmen produk semikonduktor menyumbang 38.8 peratus (239 ribu orang) kepada jumlah guna tenaga industri E&E pada tahun yang sama dengan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.9 peratus antara 2018 dan 2023. Namun begitu, semasa pandemik COVID-19 pada 2020, bilangan pekerja dalam kedua-dua industri E&E dan segmen produk semikonduktor mencapai tahap terendah, masing-masing sebanyak 556 ribu orang (YoY: -1.2%) dan 201 ribu orang (YoY: -5.3%).

Carta 1g: Bilangan pekerja Segmen Industri E&E dan Produk Semikonduktor, 2018 - 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

CABARAN DAN PELUANG UTAMA

Industri E&E memainkan peranan penting dalam pembangunan perindustrian negara. Walau bagaimanapun, industri ini menghadapi pelbagai cabaran dalam mengekalkan pertumbuhan dan daya saing di peringkat global. NIMP 2030 menggariskan beberapa cabaran utama yang menyukarkan industri E&E daripada terus maju iaitu:

- Kekurangan industri khusus terutamanya berkaitan dengan perkongsian sumber dan instrumen untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan;
- Inisiatif pembangunan bakat dan kemahiran yang tidak mencukupi untuk melahirkan lebih ramai bakat selari dengan permintaan industri;

- Tiada platform utama untuk memudahkan pertumbuhan komuniti keusahawanan dan ekosistem dengan memberikan akses mudah kepada maklumat tentang geran dan insentif kerajaan, kemungkinan rakan kongsi, pembekal, dan tempat untuk bertukar-tukar pengetahuan, teknologi dan harta intelek;
- Peraturan dan dasar kerajaan yang tidak cekap bagi teknologi dan komponen tempatan, terutamanya untuk kemasukan dan penerimaan pasaran dalam sektor terpilih dalam kawalan kerajaan; dan
- Ketidaksamaan dalam nisbah insentif walaupun sektor E&E menyumbang secara signifikan kepada ekonomi Malaysia.

Industri E&E Malaysia beroperasi dalam pasaran global yang sangat kompetitif terutamanya di kalangan negara Asia-Pasifik yang terkenal dengan kehebatan sektor pembuatan memerlukan Malaysia untuk terus komited terhadap inovasi dan peningkatan kualiti produk, keterjangkauan dan kecekapan operasi. Kekurangan kemahiran khusus dalam tenaga kerja, terutamanya dalam bidang termaju seperti pembuatan semikonduktor dan automasi menekankan keperluan untuk mempunyai strategi yang berfokus untuk memupuk bakat dan meningkatkan keupayaan buruh sedia ada.

Pengilang E&E Malaysia juga menghadapi tekanan terhadap daya saing kos pengeluaran terutamanya dalam segmen berintensif buruh. Inovasi dalam automasi dan teknologi peningkatan kecekapan penting sebagai langkah bagi menangani kesan kos pengeluaran yang semakin meningkat. Selain itu, peningkatan infrastruktur juga penting bagi memastikan pengedaran produk yang lebih lancar, pengurusan kos pengeluaran dan daya saing industri secara keseluruhan.

Selain itu, sektor ekonomi digital yang berkembang pesat meningkatkan permintaan produk E&E seperti cip semikonduktor. Teknologi baru seperti kecerdasan buatan, Internet of Things (IoT) dan tenaga boleh diperbaharui akan menyediakan jalan untuk mengoptimumkan sumber sedia ada bagi merebut arah aliran baru industri E&E. Di tengah-tengah isu geopolitik AS-China, Malaysia juga mempunyai peluang untuk mengukuhkan industri E&E dengan menarik lebih ramai pelabur untuk meningkatkan keupayaan negara.

Mempelbagaikan produk dan pasaran boleh membantu mengurangkan risiko berkaitan dengan pergantungan kepada hanya beberapa produk atau pasaran. Malaysia boleh meneroka segmen produk baharu dan berkembang ke pasaran geografi baharu untuk meningkatkan daya saing. Selain itu, kerajaan Malaysia juga perlu menyediakan pelbagai insentif dan skim sokongan untuk menggalakkan pertumbuhan industri E&E, termasuk insentif cukai, geran untuk penyelidikan dan pembangunan dan pembangunan infrastruktur. Selain itu, terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk produk dan proses pembuatan yang mampan alam sekitar, dan Malaysia boleh memanfaatkan trend ini dengan menggunakan teknologi hijau dan melaksanakan amalan mampan dalam industri E&E.

KESIMPULAN

Tinjauan jualan semikonduktor global bagi tahun 2024 menjangkakan pertumbuhan dua angka dengan cip memainkan peranan lebih penting dalam pelbagai jenis produk di peringkat global. Tinjauan jangka panjang untuk pasaran semikonduktor diunjurkan kukuh didorong oleh kemajuan pelaburan dasar kerajaan dalam R&D, mengukuhkan tenaga kerja semikonduktor dan mengurangkan halangan kepada perdagangan.

Bagi mengekalkan daya saing masa depan industri E&E di peringkat global, Malaysia harus mengukuhkan kemahiran pekerja melalui pendidikan, inisiatif latihan, dan laluan pembangunan kerjaya yang sejajar dengan permintaan industri. Kerjasama antara pihak berkepentingan industri, sokongan kerajaan melalui dasar dan insentif, pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, dan usaha berterusan untuk menaik taraf infrastruktur juga penting untuk memacu industri E&E ke hadapan.

PENGAKUAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Noraliza Mohamad Ali dan Puan Rozita Misran dari Bahagian Perangkaan Pengeluaran Perindustrian dan Pembinaan, Jabatan Perangkaan Malaysia, atas pandangan yang berharga, bimbingan profesional, dan bantuan dalam meningkatkan artikel ini.

PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

American Malaysian Chamber of Commerce. (2024). AMCHAM's Economic Impact Survey 2022/23.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Statistik Pembuatan Bulanan Januari 2024. Putrajaya: DOSM

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia - Januari 2024. Putrajaya: DOSM

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Perangkaan Perdagangan Luar Malaysia Dalam Talian (METS Online). Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Statistik Pembuatan Bulanan Januari 2024. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Akaun Negara Suku Tahun-Keluaran Dalam Negara Kasar, Suku Keempat 2023. Putrajaya: DOSM

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Perangkaan Ekonomi Tahunan (AES) 2022 – Pembuatan. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). Banci Ekonomi 2016, Pembuatan. Putrajaya: DOSM

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). (2022). Pelan Hala Tuju Elektrik & Elektronik (E&E): Pembangunan Teknologi 2021-2030.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). (2023). Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Industri Elektrik dan Elektronik.

Laitner et al. (2009). Semiconductor Technologies: The Potential to Revolutionize U.S. Energy Productivity (Part I). Environmental Quality Management, 29-52.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (2024). <https://www.mida.gov.my/mida-news/ee-sector-presents-new-key-growth-areas-with-the-rise-of-tech-and-high-value-sectors/>

Melliar-Smith et al. (1998). The Transistor: An Invention Becomes a Big Business. Proceedings of the IEEE, Vol. 86, 86-110.

Sabbagh K. et al. (2013). Digitization for Economic Growth and Job Creation: Regional and Industry Perspectives. The Global Information Technology Report 2013, 35-42.

Semiconductor Industry Association (2022). Building America's Innovation Economy. Diperoleh daripada https://www.semiconductors.org/wp-content/uploads/2021/05/SIA-Industry-Facts_4-20-2022.pdf

Troutman & Barrington. (2005) Semiconductor: A Key to The Nation's Competitiveness. International Electronics Manufacturing Technology Symposium, 332-335.

World Semiconductor Trade Statistics. (2024). Historical Billings Report. Diperoleh daripada <https://www.wsts.org/67/Historical-Billings-Report>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 3/ 2024

PENGELUARAN



PENGELUARAN BUAH TANDAN SEGAR (KELAPA SAWIT)

Feb 2024 : 6,454,441 tan metrik ▼ -2.2%
Jan 2024 : 7,355,290 tan metrik ▲ 3.1%
Dis 2023 : 7,949,669 tan metrik ▼ -4.2%



PENGELUARAN GETAH ASLI

Jan 2024 : 30,273 tan metrik ▲ 2.8%
Dis 2023 : 30,342 tan metrik ▼ -0.7%
Nov 2023 : 30,669 tan metrik ▲ 9.3%



INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP)

Jan 2024: ▲ 4.3%
Dis 2023: ▼ -0.03%
Nov 2023: ▲ 0.4%



NILAI JUALAN SEKTOR PEMBUATAN

Jan 2024 : RM152.7b ▲ 3.2%
Dis 2023 : RM149.9b ▼ -4.2%
Nov 2023 : RM155.0b ▼ -2.6%



NILAI JUALAN SEKTOR PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Jan 2024 : RM142.4b ▲ 5.4%
Dis 2023 : RM143.9b ▲ 4.8%
Nov 2023 : RM142.6b ▲ 6.2%

SEKTOR LUARAN



EKSPORT

Feb 2024 : RM111.3b ▼ -0.8%
*Jan 2024 : RM122.4b ▲ 8.7%
Dis 2023 : RM118.4b ▼ -10.1%



IMPORT

Feb 2024 : RM100.5b ▲ 8.4%
*Jan 2024 : RM112.3b ▲ 18.8%
Dis 2023 : RM106.6b ▲ 2.9%

*Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

PASARAN BURUH



BILANGAN PENDUDUK BEKERJA

Jan 2024 : 16.48 juta orang ▲ 2.0%
Dis 2023 : 16.46 juta orang ▲ 2.0%
Nov 2023 : 16.43 juta orang ▲ 2.0%



KADAR PENGANGGURAN

Jan 2024 : 3.3%
Dis 2023 : 3.3%
Nov 2023 : 3.3%

HARGA



INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP)

Feb 2024 : ▲ 1.8%
Jan 2024 : ▲ 1.5%
Dis 2023 : ▲ 1.5%



INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR)


Feb 2024: ▲ 0.3%
Jan 2024: ▼ -0.6%
Dis 2023: ▼ -1.3%

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Februari 2024 menyusut sebanyak 12.2 peratus kepada 6,454,441 tan metrik berbanding Januari 2024 (7,355,290 tan metrik) (**Carta 3**). Perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan penurunan 2.2 peratus berbanding Februari 2023 (6,601,525 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Januari 2023 - Februari 2024



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar mengikut estet-estet kelapa sawit pada Februari 2024 menyusut 13.6 peratus kepada 1.08 tan metrik/ha berbanding Januari 2024 (1.25 tan metrik/ha) (**Jadual 2**). Purata hasil buah tandan segar mengikut estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Sabah / Sarawak masing-masing menurun 9.4 peratus kepada 1.16 tan metrik/ha (Januari 2024: 1.28 tan metrik/ha) dan 16.4 peratus kepada 1.02 tan metrik/ha (Januari 2024: 1.22 tan metrik/ha).


Jadual 2: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, Januari 2023 - Februari 2024 (Tan Metrik/Ha)

Wilayah	2023												2024	
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb
Malaysia	1.19	1.07	1.09	1.00	1.23	1.21	1.37	1.49	1.58	1.65	1.54	1.35	1.25	1.08
Semenanjung Malaysia	1.19	1.12	1.07	0.96	1.21	1.18	1.39	1.56	1.64	1.72	1.64	1.42	1.28	1.16
Sabah/ Sarawak	1.19	1.04	1.11	1.03	1.24	1.24	1.35	1.44	1.53	1.58	1.47	1.30	1.22	1.02

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun 10.2 peratus (Februari 2024: 1,259,572 tan metrik, Januari 2024: 1,402,355 tan metrik) dan 11.7 peratus (Februari 2024: 301,771 tan metrik, Januari 2024: 341,747 tan metrik). Begitu juga, pengeluaran minyak isirung sawit mentah turut menyusut 13.8 peratus (Februari 2024: 139,336 tan metrik, Januari 2024: 161,629 tan metrik) manakala kek isirung sawit susut sebanyak 13.9 peratus (Februari 2024: 153,119 tan metrik, Januari 2024: 177,825 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2023 - Februari 2024



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport kedua-dua minyak sawit dan minyak isirung sawit masing-masing menurun 24.7 peratus (Februari 2024: 1,015,537 tan metrik, Januari 2024: 1,349,523 tan metrik) dan 18.8 peratus (Februari 2024: 55,585 tan metrik, Januari 2024: 68,492 tan metrik). Eksport dedak isirung sawit turut menunjukkan trend yang sama dengan mencatatkan penyusutan sebanyak 41.1 peratus (Februari 2024: 136,195 tan metrik, Januari 2024: 231,398 tan metrik).


Carta 5: Eksport Minyak Sawit, Januari 2023 - Februari 2024



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Sementara itu, import minyak sawit meningkat 10.4 peratus kepada 32,556 tan metrik pada Februari 2024 berbanding 29,494 tan metrik yang direkodkan pada Januari 2024. Sebaliknya import minyak isirung sawit menurun 83.1 peratus (Februari 2024: 2,965 tan metrik, Januari 2024: 17,589 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2023 - Februari 2024



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Menurut Pengerusi Bursa Malaysia Bhd., industri minyak sawit Malaysia dijangka bertambah baik pada 2024 berikutan pemulihan bekalan buruh, prospek harga minyak sawit yang lebih baik dan peningkatan permintaan dari destinasi eksport utama.


Walau bagaimanapun penggiat pasaran perlu kekal berwaspada dengan kemungkinan cabaran yang saling berkaitan seperti keadaan cuaca yang semakin tidak menentu, potensi perubahan kepada perdagangan global dan dasar alam sekitar, sosial dan tadbir urus, dan risiko geopolitik yang berterusan, yang kesemuanya boleh memberi kesan yang ketara kepada perdagangan minyak sawit.

(Industri minyak sawit dijangka catat pertumbuhan tahun ini, Metro Online, 5 Mac 2024)

Getah

Pengeluaran getah asli menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 0.2 peratus pada Januari 2024 kepada 30,273 tan metrik berbanding 30,342 tan metrik pada Disember 2023 (**Carta 7**). Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran getah asli menunjukkan peningkatan 2.8 peratus (Januari 2023: 29,451 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2023 – Januari 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Januari 2024 dengan sumbangan 88.3 peratus (26,745 tan metrik) dan selebihnya 11.7 peratus (3,527 tan metrik) adalah dari sektor estet,. Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di sektor kebun kecil meningkat 0.2 peratus dan sektor estet pula mencatatkan penurunan 3.5 peratus. Manakala pengeluaran sektor kebun kecil pada asas tahunan pula meningkat 7.9 peratus dan pengeluaran di estet pula menurun sebanyak 24.3 peratus berbanding Januari 2023.

Berdasarkan analisis perbandingan harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan peningkatan 8.9 peratus (Januari 2024: 585.74 sen sekilogram; Disember 2023: 537.63 sen sekilogram) dan Sekerap meningkat sebanyak 7.4 peratus (Januari 2024: 583.29 sen sekilogram; Disember 2023: 542.89 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 5.9 peratus hingga 8.8 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 5.0 peratus (daripada USD 1.46/kg kepada USD1.53/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 8.6 peratus (daripada USD1.66/kg kepada USD1.80/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Januari - Disember 2023 dan Januari 2024



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli meningkat sebanyak 6.5 peratus pada Januari 2024 kepada 203,772 tan metrik berbanding 191,304 tan metrik pada Disember 2023. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli menunjukkan peningkatan 4.7 peratus berbanding 194,563 tan metrik yang dicatatkan pada Januari 2023.


Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2023 – Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli berkurang sebanyak 6.3 peratus kepada 23,533 tan metrik berbanding 25,118 tan metrik pada Disember 2023. Penggunaan pada asas tahunan menurun 15.4 peratus (Januari 2023: 27,817 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2023 – Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 43,111 tan metrik pada Januari 2024 menurun 5.4 peratus berbanding Disember 2023 (45,591 tan metrik). Walau bagaimanapun, jumlah eksport meningkat 5.5 peratus tahun ke tahun dari 40,867 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 32.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Januari 2024 diikuti Emiriah Arab Bersatu (13.5%), Jerman (13.0%), Amerika Syarikat (7.3%) dan India (6.3%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan kuantiti sebanyak 41,843 tan metrik pada Januari 2024, meningkat sebanyak 6.6 peratus berbanding Disember 2023 (39,248 tan metrik). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah Amerika Syarikat (14,348 tan metrik), Jepun (2,598 tan metrik) dan China (2,103 tan metrik) seperti pada **Jadual 3**.

Jadual 3: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Disember 2023 dan Januari 2024

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Disember 2023	Januari 2024	Disember 2023	Januari 2024
United States of America	13,317	14,348	350.7	393.3
Japan	2,384	2,598	73.0	78.4
China	2,709	2,103	47.3	38.5
Germany	2,219	1,723	54.3	45.7
India	1,561	1,440	21.3	20.4
United Kingdom	892	1,301	22.7	37.0
Turkiye	707	1,243	11.6	19.2
Brazil	987	1,163	16.2	19.0
Canada	875	1,071	22.8	26.1
Spain	520	997	10.3	20.3


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Malaysia Rubber Board Digest pada Januari 2024, trend pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur sepanjang bulan dengan menyaksikan harga GMM 20 turun naik dalam julat yang kecil. Secara amnya, sentimen pasaran disokong oleh pasaran yang menggalakkan terutama bekalan getah yang terhad daripada negara pengeluar getah akibat daripada cuaca lembap.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pulih kepada 4.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024 selepas merekodkan sedikit penurunan 0.03 peratus pada Disember 2023 (**Carta 11**). Peningkatan ini diterajui oleh lonjakan 3.7 peratus dalam sektor Pembuatan berbanding negatif 1.4 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Tambahan lagi, sektor Perlombongan mengekalkan aliran menaik dengan mencatatkan 5.0 peratus (Disember 2023: 4.1%) manakala sektor Elektrik berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 8.3 peratus (Disember 2023: 4.1%). Secara perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP meningkat 2.0 peratus berbanding negatif 1.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Januari 2023 – Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pemulihan 3.7 peratus dalam sektor Pembuatan pada Januari 2024 dipacu oleh prestasi kukuh industri berorientasikan domestik yang meningkat kepada 8.0 peratus (Disember 2023: 4.2%), manakala industri berorientasikan eksport kembali kepada pertumbuhan positif 1.6 peratus selepas berada dalam jajaran negatif selama tujuh bulan berturut-turut (Disember 2023: -4.1%). Pengembangan dalam industri berorientasikan domestik didorong terutamanya oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler yang mencatatkan peningkatan 12.1 peratus; diikuti oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan pada 11.9 peratus. Selain itu, Pembuatan produk proses makanan turut menyumbang dengan kadar pertumbuhan 8.5 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik kembali meningkat kepada 4.9 peratus berbanding penurunan 1.1 peratus pada Disember 2023.

Prestasi pengeluaran yang memberangsangkan dalam industri berorientasikan eksport disokong terutamanya oleh peningkatan dalam Pembuatan produk getah (8.5%); Pembuatan produk plastik (7.5%); dan Pembuatan kimia & produk kimia (6.1%). Tambahan lagi, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal juga kembali kepada pertumbuhan positif pada 0.4 peratus, berbanding penurunan 7.2 peratus pada bulan sebelumnya. Pemulihan tersebut sejajar dengan trajektori menaik yang dilihat dalam industri semikonduktor global pada bulan berkenaan seperti yang dilaporkan oleh The Semiconductor Industry Association (SIA). Pertumbuhan tahun ke tahun ini juga selari dengan prestasi eksport negara yang memulih kepada 8.7 peratus pada Januari 2024, selepas merosot sejak Mac 2023. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat secara marginal 0.2 peratus (Disember 2023: -3.3%).

Peningkatan pengeluaran dalam sektor Perlombongan pada Januari 2024 adalah didorong oleh pengembangan 6.6 peratus dalam pengeluaran Gas Asli (Disember 2023: 5.9%) dan 2.6 peratus dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat (Disember 2023: 1.6%). Berbanding Disember 2023, indeks Perlombongan meningkat 3.1 peratus berbanding 2.8 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Penjana Elektrik terus meningkat kepada 8.3 peratus pada Januari 2024 selepas mencatatkan peningkatan 4.1 peratus pada bulan lalu. Secara perbandingan dengan bulan sebelumnya, indeks Elektrik tumbuh 2.0 peratus daripada 1.4 peratus yang direkodkan pada Disember 2023.


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara lain melonjak pada Januari 2024, termasuk Vietnam (18.9%), South Korea (12.9%) dan Taiwan (16.0%) manakala Singapore memulih kepada 1.1 peratus dan United States merekodkan pertumbuhan marginal 0.03 peratus. Sebaliknya, IPP bagi Japan dan Thailand mengalami penurunan dengan masing-masing menyusut 1.5 peratus dan 2.9 peratus.

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan pulih kepada 3.2 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024 selepas menguncup sejak Jun 2023, mencapai RM152.7 bilion (**Carta 12**). Pengembangan tersebut disokong oleh pertumbuhan kukuh sebanyak 15.8 peratus dalam subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (Disember 2023: 6.4%), ditambah dengan trend peningkatan bagi subsektor Makanan, minuman & tembakau yang melonjak sebanyak 11.4 peratus (Disember 2023: -2.6%). Di samping itu, subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka terus berkembang pesat sebanyak 9.6 peratus (Disember 2023: 7.4%). Berbanding bulan sebelumnya, nilai jualan bertumbuh 1.9 peratus berbanding RM149.9 bilion yang dicatatkan pada Disember 2023 (-3.3%).

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2023 – Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili 69.1 peratus daripada jumlah jualan, meningkat sedikit 0.1 peratus pada Januari 2024 (Disember 2023: -8.4%). Sementara itu, nilai jualan industri berorientasikan domestik meningkat lebih tinggi sebanyak 10.8 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 7.7 peratus pada Disember 2023. Secara perbandingan asas bulan ke bulan, kedua-dua industri berorientasikan eksport dan domestik, masing-masing meningkat 1.7 peratus dan 2.3 peratus.

Eksport Malaysia meningkat sebanyak 8.7 peratus pada Januari 2024 berbanding tahun sebelumnya, mencecah RM122.4 bilion manakala import pula meningkat sebanyak 18.8 peratus kepada RM112.3 bilion. Pertumbuhan eksport telah disokong oleh kenaikan eksport keluaran petroleum; jentera, kelengkapan dan peralatan; barangan besi dan keluli; serta barangan perkilangan logam.

Sektor Pembuatan yang melibatkan seramai 2.37 juta orang pekerja pada Januari 2024, meningkat 1.3 peratus berbanding 2.34 juta orang yang dicatatkan pada Januari 2023. Penambahan itu sebahagian besarnya didorong oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (5.5%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.8%); dan Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (1.1%). Pada asas bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini terus merosot, mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus.

Seiring dengan trend positif dalam pekerjaan, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM8.4 bilion pada Januari 2024. Berbanding Disember 2023, bayaran gaji & upah susut 4.5 peratus berbanding pertumbuhan 7.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Tambahan lagi, nilai jualan bagi setiap pekerja menunjukkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus untuk merekodkan RM64,353 manakala purata gaji & upah setiap pekerja pada Januari 2024 adalah sebanyak RM3,519, telah meningkat sebanyak 0.7 peratus tahun ke tahun.

Sektor pembuatan Malaysia dijangka berkembang secara sederhana pada separuh pertama tahun 2024 dalam keadaan ekonomi yang semakin baik.

Perdagangan Borong & Runcit

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan nilai jualan bulanan sebanyak RM142.4 bilion, tumbuh 5.4 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024.

Prestasi Nilai Jualan

Pertumbuhan 5.4 peratus bagi Perdagangan Borong & Runcit pada Januari 2024 disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong, yang meningkat 5.5 peratus atau RM3.3 bilion untuk mencatatkan RM63.7 bilion. Ini diikuti oleh Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Runcit masing-masing dengan 16.0 peratus (+RM2.4 bilion) dan 2.6 peratus (+RM1.5 bilion) (**Paparan 1**).

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, Januari 2024

SUBSEKTOR	Nilai Jualan			Indeks Volum (2015=100)				
	RM Bilion	% Perubahan		Asal	% Perubahan		Pelarasan Musim (SA)	% Perubahan
		Jan 2024	YoY	MoM	Jan 2024	YoY	MoM	MoM (SA)
PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT	142.4	5.4	-1.1	152.3	3.5	-1.3	147.3	-0.9
 PERDAGANGAN BORONG	63.7	5.5	1.2	139.9	4.0	1.1	135.0	-1.2
 PERDAGANGAN RUNCIT	61.1	2.6	-2.1	173.5	1.4	-2.3	168.9	-1.6
 KENDERAAN BERMOTOR	17.6	16.0	-5.1	131.8	12.1	-4.6	125.2	3.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit menurun -1.1 peratus, dipengaruhi oleh Kenderaan Bermotor (-5.1%) dan Perdagangan Runcit (-2.1%).

Prestasi Perdagangan Borong

Peningkatan 5.5 peratus bagi Perdagangan Borong disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang meningkat 8.3 peratus atau RM1.8 bilion kepada RM24.0 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (4.6%), Jualan Borong Barangan Isi Rumah (2.9%), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (4.2%), Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (4.5%), Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (4.3%) dan Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (2.1%) (**Carta 13**).

Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong meningkat 1.2 peratus, disokong oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (6.7%), Jualan Borong Barangan Isi Rumah (2.0%) dan Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong (0.6%).

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Januari 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan Runcit berkembang sebanyak 2.6 peratus pada Januari 2024 disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan yang meningkat 4.9 peratus atau RM0.6 bilion kepada RM12.9 bilion. Kumpulan lain di dalam subsektor ini juga merekodkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (2.2%), Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah (3.3%), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (6.2%), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (1.0%), Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi (1.1%), Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (0.7%) dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar (2.0%) seperti di **Carta 14**.

Sebaliknya, bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini merosot 2.1 peratus, disebabkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (-2.5%), Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan (-2.5%) dan Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah (-2.2%).

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Januari 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Kenderaan Bermotor

Pertumbuhan dua digit 16.0 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor pada bulan ini disokong oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang melonjak 20.9 peratus atau RM1.6 bilion kepada RM9.3 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor (11.9%), Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor (12.4%) dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal (5.4%) seperti ditunjukkan di **Carta 15**.

Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini menurun 5.1 peratus disebabkan oleh kejatuhan dalam Jualan Kenderaan Bermotor (-11.3%).

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Januari 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Dari segi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada Januari 2024 mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus tahun ke tahun. Pengembangan ini disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor (12.1%), Perdagangan Borong (4.0%) dan Perdagangan Runcit (1.4%). Sebaliknya, bagi indeks volum pelarasan musim, ia menyusut 0.9 peratus (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2023 - Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

**Jadual 4: Prestasi Indeks Perdagangan Runcit Bagi Negara-Negara Terpilih, Januari 2024
(Tahun ke Tahun)**

Taiwan	Hong Kong	United Kingdom	South Korea	Indonesia
-1.9	-1.2	0.3	-3.4	3.7

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi indeks jualan runcit di negara terpilih pada Januari 2024, Indonesia dan United Kingdom mencatatkan pertumbuhan positif masing-masing sebanyak 3.7 peratus dan 0.3 peratus (**Jadual 4**). Indeks jualan runcit Indonesia mencapai 3.7 peratus, menandakan pertumbuhan yang ketara berbanding 0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan tersebut disumbangkan oleh jualan runcit yang lebih kukuh bagi kebanyakan kumpulan komoditi, terutamanya Pakaian, Peralatan Rumah Lain, serta Makanan, Minuman & Tembakau. United Kingdom juga mencatatkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus, kembali pulih daripada -3.0 peratus yang direkodkan pada bulan lalu.

Walau bagaimanapun, negara-negara terpilih yang lain merekodkan pertumbuhan negatif iaitu Korea Selatan (-3.4%), Taiwan (-1.9%) dan Hong Kong (-1.2%).

Prospek Februari 2024

Melihat ke hadapan iaitu pada Februari 2024, sektor Perdagangan Borong & Runcit dijangka dapat mengekalkan landasan pertumbuhan tahunan yang menggalakkan. Jualan dijangka menunjukkan pertumbuhan yang kukuh berbanding Januari 2024, disokong oleh sambutan Tahun Baru Cina dan cuti sekolah sebulan dari Februari hingga Mac. Selain itu, pengagihan pembayaran insentif awal sebanyak RM2,000 kepada penjawat awam (gred 56 dan ke bawah) dijangka meningkatkan perbelanjaan, terutamanya bagi persediaan sesi persekolahan 2024/2025 pada awal Mac, berserta persiapan di bulan Ramadan.


Perdagangan Barangan

Di tengah-tengah ketidaktentuan ekonomi global, tinjauan perdagangan dunia pada 2024 dijangka semakin baik. Pada masa yang sama, prospek Malaysia juga kelihatan meyakinkan. Melangkah ke tahun baharu, prestasi perdagangan Malaysia melantun semula pada Januari 2024 selepas mencatatkan penurunan selama sepuluh bulan berturut-turut pada 2023. Jumlah dagangan meningkat dengan pertumbuhan dua angka 13.3 peratus daripada RM207.2 bilion pada Januari 2023 kepada RM234.7 bilion pada Januari 2024. Eksport bertambah 8.7 peratus kepada RM122.4 bilion, manakala import meningkat lebih pantas 18.8 peratus kepada RM112.3 bilion. Berikutan itu, lebih dagangan menyusut 44.2 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM10.1 bilion, nilai lebih terendah sejak Mei 2020. Berbanding Disember 2023, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat 3.4 peratus, 5.3 peratus dan 4.3 peratus, manakala lebih dagangan merosot 13.8 peratus. Prestasi perdagangan yang memberangsangkan pada bulan semasa turut disokong oleh bilangan hari berkerja yang lebih singkat berikutan cuti perayaan yang disambut pada Januari 2023 di Malaysia dan beberapa rakan dagang utama.

Melihat dari sudut rakan dagangan, prestasi eksport yang positif pada Januari 2024 didorong terutamanya ke Indonesia, yang naik RM2.1 bilion, diikuti Viet Nam (+RM2.1 bilion), United States of America (USA) (+RM1.4 bilion) dan Taiwan (+RM1.3 bilion). Begitu juga dengan prestasi import yang mengikuti jejak eksport, mencatatkan peningkatan ketara terutamanya dari Singapore (+RM5.5 bilion), diikuti oleh China (+RM3.7 bilion), USA (+RM2.0 bilion) dan Taiwan (+RM1.2 bilion). Perdagangan Malaysia pada Januari 2024 dipacu oleh China, Singapore, USA dan European Union (EU) dengan jumlah sumbangan 47.3 peratus (Januari 2023: 47.8%).

Eksport barangan Malaysia mencatatkan peningkatan buat kali pertama sejak Februari 2023 dengan kenaikan tahun ke tahun sebanyak 8.7 peratus kepada RM122.4 bilion daripada RM112.7 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong terutamanya oleh Keluaran petroleum bertapis, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Alat & perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, yang mula pulih buat kali pertama dengan masing-masing mencatatkan peningkatan RM3.0 bilion (+27.0%), RM1.3 bilion (+16.6%) dan RM0.8 bilion (+21.6%). Selain itu, Sarung tangan getah pulih selepas mengalami kejatuhan selama 28 bulan berturut-turut, meningkat 9.5 peratus kepada RM1.0 bilion berbanding RM0.9 bilion pada Januari 2023. Sebaliknya, Barangan elektrik & elektronik (E&E) mencatatkan penyusutan ketara RM3.0 bilion (-6.5%), ikuti dengan Gas asli cecair (-RM0.6 bilion, -9.3%) seperti di Carta i. Sementara itu, Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit merupakan produk utama eksport Malaysia pada Januari 2024, dengan sumbangan agregat 54.7 peratus (Januari 2023: 58.4%).

Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), Januari 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SEKTOR LUARAN

Seiring dengan eksport, import turut menunjukkan prestasi menggalakkan pada Januari 2024, bertumbuh dua angka 18.8 peratus kepada RM112.3 bilion berbanding RM94.5 bilion pada Januari 2023. Prestasi positif ini disumbangkan oleh Keluaran petroleum bertapis dan Emas, bukan bentuk wang, masing-masing memulih dengan peningkatan RM2.7 bilion (+32.8%) dan RM0.8 bilion (+96.0%). Pada masa yang sama, Barangan E&E (+RM2.7 bilion, +32.8%) dan Petroleum mentah (+RM0.9 bilion, +20.9%) turut menyumbang kepada kenaikan dengan mengekalkan trend positif (**Carta 18**). Namun begitu, Pesawat udara & kelengkapan & alat ganti merekodkan prestasi negatif dengan pengucupan RM90.9 juta (-6.3%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah merupakan penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada Januari 2024, dengan sumbangan kumulatif 43.9 peratus (Januari 2023: 43.6%)


Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun perkembangan ekonomi global masih lagi tidak menentu, beberapa rakan dagangan utama Malaysia menunjukkan prestasi dagangan yang lebih baik pada Januari 2024 seperti di **Carta 19**.

Carta 19: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), Januari 2024



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan Januari 2024 menunjukkan jumlah dagangan meningkat RM27.5 bilion atau 13.3 peratus kepada RM234.7 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh kebanyakan negeri terutamanya Johor meningkat sebanyak RM12.6 bilion (+30.5%), diikuti oleh Selangor RM8.2 bilion (+19.0%), W.P. Kuala Lumpur RM2.9 bilion (+23.3%), Kedah RM1.7 bilion (+16.9%), Pahang RM1.3 bilion (+34.6%), Sarawak RM900.9 juta (+7.4%), Perak RM621.1 juta (+12.3%), Terengganu RM461.9 juta (+19.3%), Melaka RM429.8 juta (+7.2%), Kelantan RM110.8 juta (+25.2%) dan Negeri Sembilan RM36.8 juta (+0.7%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan menurun di W.P. Labuan sebanyak RM1.2 bilion (-55.7%), Pulau Pinang RM943.3 juta (-1.7%), Sabah RM174.5 juta (-4.6%) dan Perlis RM4.9 juta (-2.2%) seperti di **Paparan 2**.

Jumlah eksport pada bulan Januari 2024 meningkat sebanyak RM9.8 bilion (+8.7%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM5.6 bilion), Selangor (+RM3.3 bilion), Kedah (+RM1.2 bilion), Sarawak (+RM1.2 bilion), Perak (+RM640.1 juta), Pahang (+RM609.8 juta), Terengganu (+RM308.1 juta), W.P. Kuala Lumpur (+RM92.3 juta) dan Kelantan (+RM82.8 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Pulau Pinang sebanyak RM2.0 bilion, W.P. Labuan (-RM1.1 bilion), Sabah (-RM196.9 juta), Melaka (-RM188.5 juta), Negeri Sembilan (-RM130.7 juta) dan Perlis (-RM11.6 juta).

Pada masa yang sama, import pada bulan Januari 2024 meningkat RM17.8 bilion (+18.8%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM7.0 bilion), Selangor (+RM4.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.8 bilion), Pulau Pinang (+RM1.1 bilion), Pahang (+RM739.1 juta), Melaka (+RM618.3 juta), Kedah (+RM445.1 juta), Negeri Sembilan (+RM167.5 juta), Terengganu (+RM153.8 juta), Kelantan (+RM28.0 juta), Sabah (+RM22.5 juta) dan Perlis (+RM6.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Sarawak sebanyak RM261.2 juta, W.P. Labuan (-RM51.4 juta) dan Perak (-RM19.1 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 81.8 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 28.2 peratus, diikuti oleh Johor (22.4%), Selangor (18.0%), Sarawak (8.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.5%). Sementara itu, Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.4 peratus, diikuti oleh Johor (23.7%), Pulau Pinang (19.1%), W.P. Kuala Lumpur (8.8%) dan Kedah (5.6%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Januari 2023 dan Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

SEKTOR LUARAN

Perdagangan Malaysia mengekalkan prestasi yang baik pada Februari 2024 dengan kenaikan 3.3 peratus, dipacu oleh kenaikan import (+8.4%), walaupun eksport kembali menunjukkan penurunan (-0.8%). Berikutan itu, lebih dagangan menyusut 44.4 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM10.9 bilion. Berbanding Januari 2024, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 9.1 peratus, 10.5 peratus dan 9.7 peratus. Imbangan dagangan kekal dalam lebih namun menurun 6.9 peratus.

Menurut Barometer Perdagangan Barangan, World Trade Organization yang dikeluarkan pada 8 Mac 2024, perdagangan barangan global pada 2024 diunjur semakin baik apabila bacaan terkini indeks barometer keseluruhan menunjukkan 100.6 mata, lebih tinggi daripada indeks volum dagangan suku tahunan, namun kedua-dua indeks hanya berada sedikit di atas nilai garis asas 100. Ini menunjukkan bahawa perdagangan barangan dijangka semakin baik secara beransur-ansur dalam beberapa bulan akan datang. Walau bagaimanapun, ketidakpastian masih sangat tinggi akibat daripada konflik serantau dan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat.


Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

Senario Buruh

Penduduk bekerja pada Januari 2024 kekal meningkat 0.2 peratus (+25.3 ribu orang) bulan ke bulan untuk merekodkan 16.48 juta orang (Disember 2023: 16.46 juta orang). Merujuk kepada data pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja meningkat 0.3 peratus. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja bertambah 323.7 ribu orang atau 2.0 peratus tahun ke tahun (Januari 2023: 16.16 juta orang).

Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 0.1 mata peratus kepada 67.9 peratus pada Januari 2024 berbanding bulan sebelumnya (Disember 2023: 67.8%). Dari segi perbandingan tahun ke tahun, nisbah ini mencatatkan pertumbuhan 0.6 mata peratus daripada 67.3 peratus pada Januari 2023 (**Carta 20**).

Carta 20: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk,




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu berkurang 10.1 peratus (-9.7 ribu orang) kepada 86.1 ribu orang pada Januari 2024 berbanding bulan sebelumnya (Disember 2023: 95.8 ribu orang). Bagi perbandingan tahun ke tahun, kategori ini meningkat 6.0 peratus (+4.9 ribu orang) daripada 81.3 ribu orang yang direkodkan pada Januari 2023. Kumpulan ini yang kemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikelaskan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

Pada Januari 2024, kategori pekerja adalah komponen terbesar dalam guna tenaga dengan sumbangan sebanyak 75.2 peratus, mencatatkan peningkatan 0.1 peratus (+14.2 ribu orang) untuk merekodkan 12.39 juta orang (Disember 2023: 12.38 juta orang). Trend yang sama dapat dilihat dalam penduduk bekerja sendiri, dengan pertumbuhan 0.3 peratus (+10.3 ribu orang) kepada 3.01 juta orang (Disember 2023: 3.00 juta orang). Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil (**Carta 21**).

Carta 21: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Disember 2023 dan Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SENARIO BURUH

Bilangan penganggur terus berkurang pada Januari 2024, dengan sedikit penurunan 0.1 peratus (-0.5 ribu orang) untuk mencatatkan 567.3 ribu orang (Disember 2023: 567.8 ribu orang). Namun begitu, kadar pengangguran kekal 3.3 peratus pada Januari 2024. Berdasarkan terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur berkurang 2.0 peratus, merekodkan kadar pengangguran 3.3 peratus (**Carta 22**).


Carta 22: Penganggur dan Kadar Pengangguran, Januari 2023 - Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan tersebut, penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan menyumbang 79.8 peratus daripada jumlah bilangan penganggur. Kumpulan ini terus berada pada trend menurun dengan pengurangan 0.2 peratus (-1.1 ribu orang) kepada 452.5 ribu orang pada Januari 2024 (Disember 2023: 453.6 ribu orang). Dari segi tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 61.7 peratus daripada jumlah penganggur aktif, manakala 6.5 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang. Sebaliknya, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, meningkat marginal 0.5 peratus (+0.6 ribu orang), mencatatkan 114.7 ribu orang (Disember 2023: 114.2 ribu orang) (**Carta 23**).


Carta 23: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Disember 2023 dan Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Januari 2024, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal 10.6 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia seramai 306.8 ribu orang (Disember 2023: 307.2 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun meningkat 0.3 mata peratus kepada 6.7 peratus, dengan 439.7 ribu penganggur belia (Disember 2023: 432.1 ribu orang) (**Carta 24**).


Carta 24: Penganggur Belia dan Kadar Pengangguran Belia, Januari 2023 - Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan tersebut, bilangan tenaga buruh terus berkembang dengan peningkatan bulan ke bulan 0.1 peratus (+24.8 ribu orang) untuk merekodkan 17.05 juta orang (Disember 2023: 17.03 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) kekal tidak berubah 70.2 peratus pada Januari 2024. Sejalan dengan itu, bilangan tenaga buruh meningkat 1.8 peratus (+294.9 ribu orang) berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya (Januari 2023: 16.76 juta orang). Justeru, KPTB meningkat 0.4 mata peratus daripada 69.8 peratus pada Januari 2023 (**Carta 25**).


Carta 25: Tenaga Buruh dan KPTB, Januari 2023 - Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Januari 2024, bilangan penduduk luar tenaga buruh mencatatkan penurunan marginal 0.01 peratus (-0.9 ribu orang) kepada 7.23 juta orang (Disember 2023: 7.23 juta orang). Tahun ke tahun, kumpulan ini semakin menurun 0.1 peratus (-4.9 ribu orang) daripada 7.24 juta orang pada Januari tahun lepas. Majoriti penduduk luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, dengan peratus sumbangan sebanyak 42.5 peratus, diikuti oleh bersekolah/ latihan dengan 40.8 peratus (**Carta 26**).

Carta 26: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Disember 2023 dan Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prospek ekonomi Malaysia dilihat terus stabil pada awal tahun 2024, dengan penurunan inflasi pada Januari, serta pasaran pekerjaan yang kukuh selari dengan kemajuan teknologi yang terhasil daripada pelaburan bernilai tinggi yang disokong oleh inisiatif kerajaan yang berterusan. Oleh itu, pasaran buruh Malaysia dijangka bertambah baik dan kekal stabil dalam tempoh beberapa bulan akan datang, dipacu oleh ekonomi domestik yang berdaya tahan. Situasi ini dijangka akan terus menjana peningkatan dalam permintaan tenaga kerja, sekali gus menstabilkan ekonomi secara berterusan.

Indeks Harga Pengguna


Bermula dari penerbitan Januari 2024, pelarasan telah dibuat pada bakul Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi barangan dan perkhidmatan, berdasarkan data yang diperolehi daripada Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dilaksanakan selama dua belas bulan bermula dari Januari hingga Disember 2022. Penyelarasan ini selari dengan panduan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan merupakan prosedur standard yang dilaksanakan oleh Organisasi Statistik Kebangsaan untuk mendapatkan dengan tepat gelagat perbelanjaan pengguna semasa dalam rangkaian statistik rasmi.

Semakan bakul IHP bukan sahaja melibatkan pengemaskinian pemilihan barangan dan perkhidmatan tetapi juga merangkumi pengelasan semula dan pengembangan kod item. Ini termasuk penambahbaikan, pelarasan dan peralihan daripada dua belas kumpulan utama sebelumnya kepada tiga belas kumpulan utama, selaras dengan garis panduan Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP) terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada Mac 2018. Penyusunan IHP mematuhi metodologi yang digariskan dalam Manual Indeks Harga Pengguna (Konsep dan Kaedah) 2020, seperti yang ditetapkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Inflasi Malaysia pada Januari 2024 stabil pada 1.5 peratus, tidak berubah sejak November 2023. Mata indeks berada pada 131.4 berbanding 129.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 27**). Peningkatan ini didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.2 peratus (Disember 2023: 3.7%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 2.5 peratus (Disember 2023: 2.7%); Kesihatan, 2.4 peratus (Disember 2023: 2.5%); Makanan & Minuman, 2.0 peratus (Disember 2023: 2.3%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 2.0 peratus (Disember 2023: 1.6%).

Selain itu, peningkatan inflasi ini juga disebabkan oleh kenaikan dalam kumpulan utama Pendidikan (1.7%), Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.0%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.8%); Pengangkutan (0.7%) dan Minuman Alkohol & Tembakau (0.4%). Sebaliknya, Maklumat & Komunikasi menurun kepada negatif 2.4 peratus dan Perkhidmatan Insurans & Kewangan kekal tidak berubah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Carta 27: IHP Keseluruhan, Restoran & Hotel dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Januari 2023 – Januari 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

HARGA

Inflasi kumpulan utama Pengangkutan mencatatkan peningkatan marginal 0.7 peratus pada Januari 2024 berbanding yang direkodkan pada Disember 2023 (0.3%). Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan pengangkutan alat persendirian yang meningkat kepada 1.2 peratus pada Januari 2024 (Disember 2023: 0.8%). Kelas perbelanjaan Bahan api & pelincir untuk kelengkapan pengangkutan persendirian meningkat kepada 0.4 peratus berbanding Disember 2023 (-0.3%). Kenaikan ini berkorelasi dengan aliran menaik dalam harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON97 yang berada pada RM3.35 seliter pada Januari 2024 berbanding RM3.35 seliter pada Januari 2023 (**Carta 28**).

Carta 28: Purata Harga Bahan Api, Januari 2023 – Januari 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman yang memegang wajaran yang signifikan sebanyak 29.8 peratus daripada Indeks Harga Pengguna (IHP) keseluruhan, mengalami peningkatan yang lebih sederhana sebanyak 2.0 peratus berbanding Disember 2023 (2.3%). Seratus enam puluh daripada 247 Item Makanan atau 64.8 peratus telah merekodkan kenaikan harga berbanding Januari 2023. Subkumpulan utama Makanan di rumah yang menyumbang 52.0 peratus daripada wajaran kumpulan Makanan & Minuman menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan, mencapai 1.1 peratus berbanding 1.3 peratus pada Disember 2023 (**Jadual 5**).

Jadual 5: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Januari 2024

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Januari 2024
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.8	2.0
Makanan	29.0	2.0
Makanan Di Rumah	13.4	1.1
Beras, Roti & Bijirin Lain	15.6	3.1
Daging	2.3	2.7
Ikan & Makanan Laut	2.3	1.4
Susu, Keju & Telur	3.9	-1.8
Minyak & Lemak	1.3	2.5
Buah-buahan	0.7	-0.2
Sayur-sayuran	1.1	2.0
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	1.8	2.2
Keluaran Makanan t.t.t.l.	0.5	1.8
Makanan Di Luar Rumah	1.7	2.9
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	0.8	2.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penyelarasan tarif air terkini untuk pengguna kediaman di Semenanjung Malaysia dan Labuan, yang dilaksanakan di bawah Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) pada 1 Februari 2024, dijangka akan mempengaruhi kadar inflasi Malaysia.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar Malaysia menurun 0.6 peratus pada Januari 2024 berbanding negatif 1.3 peratus pada Disember 2023.

